

| | | | |
|-------------------|-------------------------------------|--------------------|---------------------------|
| Headline | Mangga anjurkan Amazing Race | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 15 Feb 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 197,952 |
| Page No | 22 | Readership | 833,287 |
| Language | Malay | ArticleSize | 378 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,471 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,413 |



Mangga anjurkan Amazing Race

Medan artis, peminat dan media berudu kekuatan mental dan fizikal

ARTIS mana yang paling penakut? Artis mana yang paling berani? Apakah benar, populariti artis menyebabkan mereka segan dan malu untuk melakukan aktiviti-aktiviti comot seperti budak-budak?

Segalanya akan terjawab dalam acara *Mangga Amazing Race 2013* yang akan berlangsung pada 16 Februari depan.

Acara ini diadakan bagi menghargai pembahagian tersebut yang telah menyambut ulang tahun ke-18, bertempat di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Selangor.

Menurut Penggarang *Mangga*, Rosli Manah, pelbagai cabaran menarik dan mendebarkan akan diadakan pada hari tersebut.

"Kami mempunyai acara yang seakan-akan *Fear Factor* yang bakal menguji tahap keberanian peserta. Selain itu, kami juga turut menyediakan aktiviti istimewa yang bakal memberi kejutan kepada peserta pada hari acara tersebut berlangsung."

"Sebanyak 17 kumpulan akan bertanding. Dalam setiap kumpulan akan terdiri daripada tiga kelompok iaitu artis, peminat dan pihak media

dalam acara yang pertama kali dianjurkan ini.

"Dalam masa yang sama, ia sebenarnya merupakan tanda penghargaan kami kepada pembaca yang selama ini menyokong teguh di sebalik kejayaan *Mangga* mengekalkan prestasinya sebagai majalah hiburan popular," katanya.

Antara cabaran lain yang akan turut diadakan ialah menyelesaikan *jigsaw puzzle* dan juga beberapa aktiviti yang akan menjadi kejutan kepada peserta.

Bayaran RM30 seorang (termasuk makan minum, baju, hadiah dan banyak lagi) dikenakan kepada peserta dan setiap kumpulan akan dianggotai oleh empat peserta dan seorang artis.

Antara artis yang akan turut serta ialah Nelydia Senrose, Erin Malik, Chacha Maembong, Amran Ismail, Almy Nadia dan ramai lagi.

Acara ini turut mendapat sokongan beberapa pihak iaitu Tanah Beris Film Production, FRIM, Amran Ismail Production, Herbalina, Alveena Iris, Zeel Production, Akasia Travel & Tours, Mutiara Jingga Marketing, Hotel Quality, Menara Kuala Lumpur, Harr Zahra Beauty, Shahwadi Couture dan banyak lagi.



ANTARA artis yang mengambil bahagian dalam *Mangga Amazing Race 2013* adalah Nelydia Senrose dan Amran Ismail.